

Soalan No: 94

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
[BANDAR KUCHING]

TARIKH : 2.8.2017

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peruntukan perbelanjaan bekalan dan perbelanjaan pembangunan diperuntukkan untuk Kementerian Pendidikan dalam tahun 2015, 2016 dan juga 2017 adalah untuk dibelanjakan di Negeri Sarawak. Apakah peratusan peruntukan tersebut terdiri daripada peruntukan keseluruhan Kementerian Pendidikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyalurkan peruntukan mengurus kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak sebanyak RM3,433,818,512.00 bagi tahun 2015, RM3,452,692,475.00 bagi tahun 2016 dan anggaran sebanyak RM4,617,109,128.00 bagi tahun 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak Sembilan (9) peratus peruntukan daripada jumlah peruntukan keseluruhan disediakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak bagi tahun 2015 dan 2016. Manakala pada tahun ini pula peruntukan yang diberi adalah sebanyak 11 peratus daripada peruntukan keseluruhan.